



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KONFLIK KOMUNIKASI DALAM PERKAHWINAN
WANITA BUDAYA MATRILINEAL
MINANGKABAU INDONESIA DENGAN LELAKI
BUDAYA PATRILINEAL MELAYU MALAYSIA
DI MEDAN, INDONESIA**

INON BEYDHA

T IPSS 2007 1



**KONFLIK KOMUNIKASI DALAM PERKAHWINAN
WANITA BUDAYA MATRILINEAL
MINANGKABAU INDONESIA DENGAN LELAKI
BUDAYA PATRILINEAL MELAYU MALAYSIA
DI MEDAN, INDONESIA**

INON BEYDHA

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2007



**KONFLIK KOMUNIKASI DALAM PERKAHWINAN
WANITA BUDAYA MATRILINEAL
MINANGKABAU INDONESIA DENGAN LELAKI
BUDAYA PATRILINEAL MELAYU MALAYSIA
DI MEDAN, INDONESIA**

Oleh

INON BEYDHA

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan
Untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2007



DEDIKASI

Ditujukan khas buat yang dikasihi

.....ayahandaku allahyarham Bagindo OB. Drs. Haji. Lukman Effendy Chaniago Bin Bagindo Orang Baso Amiruddin Said Tanjung, dan ibundaku Hajah Hasniah Harahap binti Haji Behand Effendi, yang telah membesarkan dan mendidikku, serta memberikan pengorbanan yang tidak ternilai, dengan diiringi doa-doa dan kesabaran mereka diseluruh kehidupan saya. Mereka telah mengajar saya tentang pentingnya iman, ilmu, taqwa, kesabaran dan kegigihan untuk mencapai kepada tahap menjadi insan yang mempunyai ilmu dan iman yang lebih tinggi.

Semoga kerahmatan dan inayah dari Allah SWT sentiasa mendampingi hidup mereka yang amat saya kasihi, di dunia dan akhirat.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**KONFLIK KOMUNIKASI DALAM PERKAHWINAN
WANITA BUDAYA MATRILINEAL MINANGKABAU INDONESIA
DENGAN LELAKI BUDAYA PATRILINEAL MELAYU MALAYSIA
DI MEDAN, INDONESIA**

By

INON BEYDHA

Julai 2007

Pengerusi : Jamilah Othman, PhD

Institut : Pengajian Sains Sosial

Hari ini kita tengah menjalani kehidupan di "kampong sejagat", oleh itu perlu membantu manusia untuk dapat berkomunikasi lebih berkesan, memahami konflik komunikasi serta untuk mengurusnya, khususnya perkahwinan di kalangan wanita budaya matrilineal Minangkabau Indonesia dengan lelaki budaya patrilineal Melayu Malaysia, yang dapat menjadi satu peluang unik untuk diselidiki.

Kajian ini bertujuan untuk memahami fenomena konflik dalam perkahwinan yang dihadapi oleh wanita budaya matrilineal Minangkabau Indonesia yang berkahwin dengan lelaki budaya patrilineal Melayu Malaysia. Secara



khususnya kajian ini menjawab tiga persoalan kajian, iaitu: 1) bagaimana fenomena dan kesan konflik dalam perkahwinan yang dihadapi wanita budaya matrilineal Minangkabau Indonesia yang berkahwin dengan lelaki budaya patrilineal Melayu Malaysia, 2) apa punca-punca konflik perkahwinan antara budaya, dan 3) bagaimana strategi pengurusan konflik komunikasi dalam perkahwinan antara budaya yang diamalkan wanita budaya matrilineal Minangkabau Indonesia ?

Kaedah fenomenologi dijalankan untuk mengumpul data menerusi temu bual bersemuka secara mendalam, digunakan bagi memahami dan menjelaskan pengalaman konflik komunikasi dalam perkahwinan wanita budaya matrilineal minangkabau Indonesia dengan lelaki budaya patrilineal Melayu Malaysia. Responden yang terlibat adalah terdiri daripada enam orang yang secara sukarela bersedia berkongsi pengalaman. Mereka ini mempunyai pengalaman antara dua hingga ke lapan tahun sebagai isteri kepada lelaki budaya patrilineal Melayu Malaysia. Setiap perbualan dirakam menerusi pita rakaman dan ditranskrip secara verbatim untuk mencari tema dan kategori terkini sebagai temuan kajian.

Tema-tema dan kategori-kategori sebagai dapatan kajian menjelaskan bahawa fenomena konflik dalam perkahwinan antara budaya adalah lumrah. Kesan konflik perkahwinan antara budaya ada dua kategori: 1) positif atau konstruktif; dan 2) negatif atau destruktif. Kesan positif konflik perkahwinan

antara budaya ada tiga kategori: 1) perkahwinan bahagia, 2) kesihatan mental keluarga, 3) keutuhan dan keharmonian sejagat. Kesan negatif konflik perkahwinan antara budaya ada lima kategori: 1) perceraian, 2) perkahwinan tidak bahagia, 3) gangguan kesihatan mental keluarga, 4) stereotaip dan prasangka antara kedua-dua budaya, dan 5) perbalahan sejagat.

Punca konflik perkahwinan antara budaya merangkumi tiga kategori: 1) perbezaan nilai budaya dan halangan mengamalkan, 2) perbezaan konteks komunikasi dan ketidakberkesanan komunikasi, dan 3) wujud stereotaip dan prasangka yang mendasari konflik perkahwinan antara budaya. Manakalatrategi strategi menangani konflik komunikasi dalam perkahwinan antara budaya adalah: 1) bersabar dan berakomodasi (*obliging*), 2) bamufake jo sumando (*negotiation with the husband*), dan 3) bamufake jo dunsanak dan ninik mamak (*mediation or third party help*).

Akhirnya, dapatan kajian berjaya membina model pengurusan konflik komunikasi dalam perkahwinan wanita budaya matrilineal minangkabau Indonesia dengan lelaki budaya patrilineal Melayu Malaysia.

**Abstract of thesis presented to the Senatae of Universiti Putra
Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of
Doctor of Philosophy**

**CONFLICT COMMUNICATION IN MARRIAGE
INDONESIA MINANGKABAU MATRILINEALS' CULTURE WOMEN
WITH MALAY PATRILINEALS' CULTURE MEN
IN MEDAN, INDONESIA**

By

INON BEYDHA

July 2007

Supervisor : Jamilah Othman, PhD

Institute : Social Sciences

We are living in a “global village”, and for this reason, there is more need than ever to help people communicate more effectively, and to understand conflict communication and how to manage it, especially in intercultural marriages that pose a unique opportunity to study about it.

The purpose of this study was to understand the phenomenon of the conflict communication in intercultural marriage faced by the Indonesia Minangkabau matrilineals' culture women with patrilineals' culture Malay men. This study explained the meaning of the conflict to answer the research questions.



The research questions of this study are: 1) how the phenomenon and effect of the conflict in the intercultural marriage faced by the Indonesia Minangkabau matrilineals' culture women who are married with Malay patrilineals' culture Men, 2) what the sources of the intercultural marital conflict, and 3) how the strategies of conflict communication management that use by the Indonesia Minangkabau matrilineals' culture women in their intercultural marriage ?

The data collection method was phenomenology qualitative research and consisted of in-depth interviews to understand and explain the experiences of the conflict communication management in the intercultural marriage among Indonesia Minangkabau matrilineals' culture women with Malay patrilineals' culture men. The respondent who were involved in being consist of six Indonesia Minangkabau matrilineals' culture women who willingly were prepared to share their experiences. They had the experiences as the wife of Malay patrilineals' culture men between two to eight years. Each of in-depth interview was recorded by using recording tape and transcribed verbatim to find the themes and categorizes for answer the research questions that based on topic by being arranged and through. Each themes was analyzed to identify common themes and findings, which were presented as results.

The findings indicate that phenomenon of intercultural marital conflict was natural. The effect of the intercultural marital's conflict had two categories: 1)



positive and constructive, and 2) negative and destructive. The positive effect of the intercultural marital conflict had three categories: 1) the satisfied marriage, 2) the families' mental health, and 3) the global unity and harmonious. The negative effect of the intercultural marital conflict had five categories: 1) divorce, 2) un-satisfied marriage, 3) the families' mental health problem, 4) the stereotype and prejudice among the intercultural relationship, and 5) the global dispute.

The sources of the intercultural marital conflict consists of three categories: 1) the differences of the values' culture and the obstacle of the culture used, 2) the differences of the communication context and the un-effective of the communication, 3) the stereotype and prejudice that exist as the marital conflict foundation. Hence of the strategy to manage conflict communication in intercultural marriage were: 1) be patient or accommodating (obliging), 2) *Bamufake jo sumando* (negotiation with the husband), and 3) *Bamufake jo dunsanak dan ninik mamak* (mediation or third party help).

Finally, the study success to build the model of conflict communication management in marriage among Indonesia Minangkabau matrilineals' culture women with Malay patrilineals' culture Men.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihi

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kepada ilahi kerana dengan limpah dan inayahnya saya dapat menyiapkan disertasi ini. Disertasi ini adalah hasil kerja saya bersama pelbagai motivasi dan bantuan daripada orang-orang yang saya hormati dan sayangi. Saya menyampaikan rasa terima kasih kepada mereka yang telah membantu saya dalam melengkapkan disertasi saya ini.

Khususnya, saya menyampaikan rasa terima kasih yang amat dalam kepada pengerusi penyelia penyelidikan disertasi saya, iaitu Dr. Jamilah Othman, kerana dengan bimbingan, teguran dan tunjuk ajar beliau disertasi ini dapat disiapkan dan beliau sentiasa bersedia menyediakan masanya untuk menyelia saya. Saya merasa amat bertuah menjadi pelajar seliaan beliau dan saya sudahpun menerima pemerhatian dan bimbingan yang baik daripadanya.

Penghargaan saya yang tinggi kepada Prof. Dr. Haji Azimi Haji Hamzah, keatas kepakaran beliau yang saya sudah pun banyak belajar daripada sarahan-sarahan beliau di perkuliahan dan sejumlah perbincangan yang amat berharga untuk melengkapkan lagi disertasi saya ini.

Terima kasih saya yang dalam kepada Prof.Madya. Dr. Haji Azizan Asmuni yang telah banyak memberi bantuan dan motivasi kepada saya terutama di masa-masa saya sedang dalam kesusahan belajar di UPM untuk menyiapkan disertasi saya.



Ucapan terima kasih juga saya hулurkan para penguji disertasi saya, iaitu Prof. Madya Dr. Bahaman Abu Samah, Prof. Madya Dr. Azhari Ismail, Dr. Maznah Baba dan Prof. Madya Dr. Faridah Ibrahim, serta para pensyarah saya di Universiti Putra Malaysia di atas ilmu dan khidmat yang diberi.

Terima kasih saya ucapkan kepada Pemerintah Indonesia dan Universitas Sumatera Utara yang telahpun memberi peluang dan bantuan kewangan kepada saya dalam menyelesaikan pendidikan saya di peringkat Doktor Falsafah di Universiti Putra Malaysia.

Terima kasih istimewa untuk suami saya, Hesham Adel Mahmoud Assem diatas motivasi, sikap ambil berat dan kasih sayangnya kepada saya, yang berjiwa tabah, setia, dan sabar dalam mengharungi pahit manis kehidupan bersama saya.

Untuk yang disayangi ananda Mohammad Luthfi dan semua adik-adik saya (Iwan Gunawan, Agustina, Habib, dan lain-lain), semoga kejayaan dan semangat belajar yang tinggi saya ini dapat menjadi contoh bagi mereka sebagai generasi muda agar kelak mereka berani menghadapi debar dan getar disepanjang kehidupan ini demi mencapai insan yang berjaya di dunia dan akhirat.

Tidak dilupakan, bantuan, motivasi dan semua jasa baik keluarga dan sahabat-sahabat saya (Drs. Haji Ardial, MSi, Drs.Irwansyah, MA, Azam, Herani, Puan Maizatul, Zueriyati, Leezawati dan semua staf di UPM yang tidak dapat saya huraikan disini. Terima kasih kepada mereka semua.



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan Tesis bagi **Inon Beydha** telah mengadakan peperiksaan akhir pada **6 Julai 2007** untuk menilai tesis **Doktor Falsafah** beliau yang bertajuk “**Konflik Komunikasi Dalam Perkahwinan Wanita Budaya Matrilineal Minangkabau Indonesia Dengan Lelaki Budaya Patrilineal Melayu Malaysia Di Medan, Indonesia**” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan)1981. Jawatankuasa Peperiksaan Tesis memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut :

Bahaman Abu Samah, PhD

Profesor Madya
Institut Pengajian Sains Sosial
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Azhari Ismail, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Maznah Baba, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Faridah Ibrahim, PhD

Profesor Madya
Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD

Profesor / Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 3 Ogos 2007



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah . Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

Jamilah bin Othman, PhD

Pensyarah
Institut Pengajian Sains Sosial
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Azimi bin Hamzah, Ed.D

Profesor
Pusat Pengembangan Keusahawan dan Pemajuan Profesional
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Azizan bin Asmuni, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, PhD

Profesor / Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 9 Ogos 2007



PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.

INON BEYDHA

Tarikh : 6 Julai 2007



JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	viii
PENGESAHAN	ix
PERAKUAN	xi
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB	
I PERMASALAHAN DAN LATAR BELAKANG KAJIAN	
Pengenalan	1
Budaya Minangkabau dan Adat Matrilineal	4
Peranan Wanita Dalam Budaya Minangkabau	8
Peranan Lelaki Dalam Budaya Minangkabau	11
Nilai-Nilai Budaya Minangkabau	14
Personaliti Orang Minangkabau	18
Perkahwinan Menurut Adat Minangkabau	27
Pengurusan Konflik Menurut Adat Minangkabau	29
Pernyataan Masalah Kajian	36
Soalan-Soalan Kajian	39
Objektif Kajian	40
Kepentingan Kajian	41
Skop Kajian	43
Definisi Istilah	44
Ringkasan	47
II SOROTAN LITERATUR	
Pengenalan	49
Fenomena Konflik Perkahwinan	49
Kesan Konflik Perkahwinan	53
Pola Interkasi Pasangan Berkahwin yang Berkonflik	59
Bentuk Konflik Perkahwinan Menurut Pandangan Islam	62
Punca Konflik Perkahwinan	63
Punca Konflik Perkahwinan Antara Budaya	63
Perbezaan Budaya	63
Komunikasi Antara Budaya Yang Berkesan	71



Tanggapan	80
Stereotaip	84
Gaya Pengurusan Konflik	86
Strategi Pengurusan Konflik komunikasi Antara Budaya	89
Teori Pengurusan Air muka (<i>Face Negotiation Theory</i>)	89
Strategi Mediasi (<i>Third Party Help</i>)	94
Ringkasan	99
III METODOLOGI KAJIAN	
Pengenalan	100
Proses Penyelidikan	101
Rasional Pemilihan Kaedah Kualitatif	102
Rasional Pemilihan Fenomenologi	105
Penyelidik Sebagai Instrumen Kajian	106
Strategi Pemilihan Responden	110
Aspek Triangulasi Kajian	112
Latar Belakang Responden Kajian	115
Prosedur Pengumpulan Data	116
Temu Bual	116
Analisis dan Interpretasi Data	124
Ringkasan	129
IV TEMUAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
Pendahuluan	131
Latar Belakang Responden	132
Tema	134
Fenomena dan Kesan Konflik Perkahwinan	134
Konflik Perkahwinan adalah Lumrah	134
Kesan Konflik : Positif	140
Kesan Konflik : Negatif	141
Punca Konflik Perkahwinan Antara Budaya	142
Perbezaan Nilai Budaya Dan Halangan Mengamalkan	143
Perbezaan Konteks Komunikasi Dan Komunikasi Tidak Berkesan	150
Stereotaip Dan Prasangka	161
Strategi Pengurusan Konflik Komunikasi	167
Bersabar atau Akomodasi (<i>Obliging</i>)	171
<i>Bamufake jo sumando</i> : Berunding dengan suami	173
<i>Bamufake jo Dunsanak dan Ninik mamak</i> : atau Mediasi (<i>Third party help</i>)	189
atau Mediasi (<i>Third party help</i>)	174
Ringkasan	177

V	RINGKASAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN	
	Pendahuluan	182
	Ringkasan	182
	Rumusan	185
	Limitasi Kajian	188
	Implikasi Kajian	189
	Cadangan Penyelidikan	198

**BIBLIOGRAFI
LAMPIRAN
BIODATA PENULIS**



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Perbezaan Adat Matrilineal dan Adat Patrilineal	33
2	Statistik Perkahwinan Rakyat Malaysia – Indonesia 1997-2005	36
3	Statistik Perceraian Pasangan Islam 2000-2005	37
4	Perbezaan Konteks Budaya	65
5	Konteks Komunikasi	66
6	Konsep Polikronik dan Monokronik	66
7	Halangan Komunikasi Berkesan	74
8	Latar Belakang Responden Utama	132
9	Latar Belakang Responden Sokongan	133



SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1 Perbezaan Budaya Di kalangan Pasangan	34
2 Model Pengurusan Konflik Komunikasi Antara Budaya <i>(Face Negotiation Theory Model)</i>	91
3 Proses Penyelidikan	101
4 Proses Analisis Data	128
5 Kerangka Temuan Kajian	181
6 Model Pengurusan Konflik Komunikasi Perkahwinan Wanita Budaya Matrilineal Minangkabau Indonesia	192



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Halaman
A Borang Temu Bual	210
B Borang Persetujuan Informan	213
C Contoh Transkripsi Kajian	217
D Surat Permohonan Mendapatkan Data Kajian	220
E Surat Kebenaran Mendapatkan Data Kajian	221
F Biodata Penulis	222

BAB I

PERMASALAHAN DAN LATAR BELAKANG

Pengenalan

Hari ini globalisasi yang telah menjadi sebahagian daripada kehidupan, telah membuka banyak kesempatan kepada manusia untuk berinteraksi dan berkomunikasi sama ada dalam geografi sendiri mahupun merentas sempadan di kalangan individu-individu antarabangsa dari pelbagai budaya. Malahan globalisasi dilihat satu fenomena yang tidak boleh dielakkan justeru ianya di luar kawalan manusia. Dalam banyak keadaan, kehidupan manusia tidak lagi terkongkong oleh sempadan geografi, bahasa, budaya dan ideologi politik sesebuah negara (Toffler & Toffler, 1995). Globalisasi telah mengecilkan sempadan dunia dan telah membuat dunia berubah menjadi kampung sejagat (*global village*) kerana interaksi dan komunikasi hampir tiada batasan lagi di kalangan individu-individu antarabangsa, malah interaksi tidak lagi terhad kepada aktiviti-aktiviti ekonomi mahupun pendidikan semata-mata tetapi juga mencakupi isu - isu sosial seperti hak asasi manusia mahupun perkahwinan antarabangsa, perkahwinan inter-etnik atau perkahwinan antara budaya (Mc.Faden, 2000).

Perkahwinan merupakan suatu perkara yang dituntut oleh al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W. Perhubungan di antara suami dan isteri adalah disebut



sebagai salah satu rahmat dan tanda kebesaran Allah S.W.T kepada manusia. Bagaimanapun, dalam menjalani kehidupan suami isteri, pasangan juga perlu menyedari bahawa perkahwinan adalah satu perkongsian hidup dua insan berlainan jantina dan latar belakang keluarga, malah perkahwinan antara budaya mempunyai lebih banyak lagi perbezaan-perbezaan, misalnya perbezaan nilai-nilai budaya, komunikasi, dan bangsa. Akibat kelainan ini, ia boleh mempengaruhi cara berfikir, sikap, nilai dan persepsi individu yang menimbulkan isu-isu salah faham, ketegangan dan konflik (Noohan Sabiin, 2004).

Menurut Christopher (2003) dan McFaden (2000), individu-individu yang saling berhubung dalam satu kampung adalah lumrah berdepan dengan konflik, apatah lagi individu-individu dalam perkahwinan antara budaya di kampung sejagat ini, malah kemungkinan konflik yang dihadapi adalah lebih besar lagi kerana pada mereka wujud pelbagai perbezaan yang lebih banyak dibandingkan pasangan yang berkahwin sama budaya, dan perbezaan budaya itu selalunya menimbulkan salah komunikasi (*miscommunication*), salah faham dan salah persepsi di kalangan mereka sehingga dapat mencetuskan konflik. Oleh itu, perlu membantu pasangan yang berkahwin merentas dunia ini untuk memahami fenomena konflik dan memahami bagaimana mengurus konflik menerusi komunikasi yang berkesan supaya salah komunikasi, salah faham dan salah persepsi dapat dihindari untuk mencapai perkahwinan yang bahagia dan hubungan antara budaya yang harmoni.

Kajian tentang perkahwinan antarabudaya didapati banyak dijalankan di kalangan pasangan-pasangan yang berasal dari negara-negara rantau barat dan rantau Asia timur seperti Jepun, Cina, Hongkong dan Thailand (Fu, X & Heaton, 2000; Chan & Smith, 2000). Tapi amat sedikit dijalankan di Malaysia (Boulanger, C.L, 1996; Sarjit S. Gill, 2001 & Rozumah, B, 2003) mahupun di Indonesia (Lubis, Suwardi, 1999 & Azwar, Welhendri, 2001).

Apatah lagi kajian tentang perkahwinan antara budaya yang bertumpu kepada pengurusan konflik dan komunikasi, ianya amat jarang dijalankan. Oleh itu penting untuk membuat kajian tentang perkahwinan antarabudaya baik di kalangan individu-individu yang ada di Indonesia mahupun individu-individu yang ada di Malaysia mengingat kedua-dua negara adalah dikenali sebagai negara yang masyarakatnya berbilang kaum dengan pelbagai budaya, demi keutuhan dan keharmonian kampong sejagat umumnya dan meningkatkan lagi persahabatan dan hubungan baik kedua-dua negara itu khususnya.

Budaya Minangkabau dan Adat Matrilineal

Minangkabau adalah salah satu diantara etnik dan budaya yang ada di Indonesia yang masyarakatnya dikenali sebagai pengamal adat matrilineal sehingga hari ini. Selain Minangkabau, masih ada etnik-etnik lain yang amalkan adat matrilineal hingga hari ini, iaitu etnik di kawasan Danau Nyana di Afrika, Iroquois Indian di Amerika, Babemba di Rhodesia India, etnik Melayu di Rembau, Jelebu, Kuala Pilah dan Nanning di Melaka, Malaysia (Peggy, R.Sanday , 2004).

Budaya dalam terminologi Minangkabau bukanlah sesuatu yang berasal dari masa lalu. Budaya adalah suatu tindakan, aktiviti, tingkah laku yang diamalkan, seperti yang dihuraikan dalam perbilangan adatnya: *adat dipakai baru, baju dipakai usang*. Ia sentiasa terbuka untuk diperbaharui. Oleh itu erti budaya bukanlah sesuatu yang statik. Tapi sesuatu yang hidup dan berkembang. Budaya Minangkabau dapat dilihat sebagai suatu bentuk amalan dan cara berfikir untuk melepaskan tekanan atau untuk mencapai kehendak-kehendak tertentu yang wujud dalam bentuk tingkah laku, cara berfikir, sifat dan dalam berkomunikasi (Amir, 2003).

Tekanan atau kehendak-kehendak tersebut timbul akibat dari suatu interaksi di